

merujuk sesuatu berita kepada Kementerian dan Agensi yang berkaitan untuk tujuan pengesahan.

Dari segi operasi, portal ini beroperasi dengan menggunakan sumber dalaman di peringkat SKMM dan oleh kakitangan SKMM sendiri. Dari segi jumlah kos operasi, tiada implikasi kewangan tambahan terlibat kerana operasi dan pengelolaan portal Sebenarnya.MY diuruskan dan dikendalikan sendiri sepenuhnya oleh pihak SKMM.

Selain itu, pihak SKMM turut menggerakkan inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara, bagi tujuan mendidik dan menggalakkan masyarakat agar mengamalkan kawalan sendiri, menggunakan Internet secara positif, serta memupuk budaya penggunaan media baru secara bijaksana, menerusi program "Klik Dengan Bijak" (KDB). Program yang dijalankan antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial.

Program yang dijalankan juga memupuk pengguna Internet agar lebih bertanggungjawab, dengan tidak berkongsi kandungan dan maklumat yang tidak ditentukan, serta agar menjadi lebih peka, dan tidak terlalu mudah mempercayai setiap perkara yang tersebar atau menjadi tular, tanpa semakan dengan sumber yang betul.